

Lebih 40,000 Jalur Gemilang akan diedar



Dr Zaliha melancarkan kempen Kibarkan Jalur Gemilang pada Karnival Santai Keluarga 50WP dan Program Temu DBKL, di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Rohanis Shukri/BH)

Kuala Lumpur: Lebih 40,000 Jalur Gemilang akan diedarkan secara percuma kepada penduduk di sekitar ibu negara melalui kempen Kibarkan Jalur Gemilang sepanjang Bulan Kemerdekaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, berkata kempen itu bertujuan meningkatkan rasa kebersamaan dan mewujudkan rasa bangga dalam setiap jiwa rakyat memandangkan negara sudah mencapai kemerdekaan 67 tahun.

Katanya, Jalur Gemilang akan ditambah mengikut keperluan dari semasa ke semasa untuk penduduk di Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan.

“Ia juga sebagai satu galakan kepada setiap rumah di Kuala Lumpur untuk mengibarkan Jalur Gemilang.

“Saya juga memuji program di lapangan yang dianjurkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kerana ia juga dapat meningkatkan pengetahuan dan pemahaman warga kota menge-

nai produk serta perkhidmatan ditawarkan agensi ini.

“Program bersama warga kota ini beri ruang penjawat awam bekerja secara produktif dalam menyampaikan perkhidmatan, bukan setakat hanya berkunjung ke pejabat dan sebagainya.

“Akhirnya ia memberi kesan kepada tatalaksana yang baik kerana saya faham di mana-mana sahaja pasti ada proses birokrasi yang berlapis-lapis yang mungkin sedikit menyukarkan rakyat untuk berurusan,” katanya ketika ditemui pada Karnival Santai Keluarga 50WP dan Program Temu DBKL, di sini, semalam.

Pada program itu juga, 10 pemenang Pasport 50WP yang berjaya melengkapkan cabaran 50 lokasi tempat menarik diumumkan dengan pemenang utama menerima ganjaran wang tunai bernilai RM20,000.

Dr Zaliha berkata, perjumpaan agensi dengan penduduk secara terus di lapangan secara tidak langsung dapat memudahkan urusan setiap orang kerana ia terus dilaksanakan.